

Sabarudin Timbalan Naib Canselor UMP

KUANTAN 15 Jun - Pengarah Pusat Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti Universiti Malaysia Pahang (UMP), Prof. Dr. Sabarudin Mohd. dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) universiti tersebut berkuat kuasa 1 Jun lalu.

Pegawai Perhubungan Awam dan Media UMP, Nadzariah Mohamed berkata, pelantikan itu dibuat bagi menggantikan Prof. Datuk Dr. Mortaza Mohamed yang kini bertugas di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) universiti tersebut.

UMP/PA 23/06/07 22.6.07/SAM

Pengalaman

"Pelantikan Dr. Sabarudin dibuat berdasarkan pengalaman luas beliau dalam bidang kejuruteraan awam dengan tumpuan utama dalam bidang analisis struktur dan teknologi konkrit," katanya dalam satu kenyataan akhbar yang dikeluarkan UMP, di sini hari ini.

Dr. Sabarudin memperoleh Diploma Kejuruteraan Awam dari Universiti Teknologi Malaysia pada tahun 1979 sebelum memperoleh Sarjana Muda dalam bidang yang sama di Universiti Glasgow di Scotland pada tahun 1985.

Beliau mula bekerja sebagai pembantu teknik di Jabatan Kerja Raya pada tahun 1979 dan mula bertugas sebagai pensyarah di Universiti Sains Malaysia (USM) pada tahun 1990 selepas menamatkan pengajian ijazah kedoktoran (PhD).

Sebelum menjawat jawatan Timbalan Naib Canselor UMP, beliau pernah menyandang jawatan sebagai Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam USM dari Januari 1997 hingga Mac 2003 sebelum bertugas sebagai pensyarah di UMP pada Disember 2005.

Beliau juga pernah menyandang jawatan Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam UMP pada April 2006.